

# Kelington Group Berhad

[No. Syarikat 199901026486 (501386-P)]

## Polisi Hak Asasi Manusia

### 1. PENGENALAN

Polisi Hak Asasi Manusia ini menggariskan standard untuk memastikan bahawa semua pekerja dilayan dengan penuh hormat dan bermaruah. Kelington Group Berhad dan kumpulan syarikatnya ("Kumpulan") komited untuk menghormati dan menyokong perlindungan hak asasi manusia ke atas pekerja kami dan pihak berkepentingan, semasa menjalankan perniagaan kami. Kami berusaha untuk beroperasi secara beretika dan bertanggungjawab, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan tempatan yang relevan, dan untuk menghindarkan pelanggaran hak asasi manusia dalam operasi perniagaan kami.

### 2. OBJEKTIF

Polisi Hak Asasi Manusia ("Polisi") ini memberikan prinsip panduan bagi pekerja dan vendor untuk memastikan bahawa mereka mematuhi hak asasi manusia dan nilai-nilai asas semasa berurusan dengan Kumpulan. Polisi ini ditulis bertepatan dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa serta Prinsip Panduan PBB tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

### 3. PRINSIP

#### 3.1 Kepelbagaian dan Menyeluruh

Kami menyokong budaya kepelbagaian dan menyeluruh di tempat kerja kami atas dasar saling mempercayai dan hormat-menghormati. Kami tidak bertolak ansur ke atas segala bentuk gangguan dan diskriminasi, penyalahgunaan atau ugutan yang menyalahi undang-undang, berdasarkan ciri peribadi seperti bangsa, jantina, negara atau budaya asal, etnik, agama, umur, ketidakupayaan, orientasi seksual, penyakit, status perkahwinan (termasuk kehamilan), pendapat politik atau status lain yang dilindungi oleh undang-undang yang berkaitan.

Perekrutan, pengambilan pekerja, penempatan, pengembangan, latihan, pampasan dan kenaikan pangkat dalam Kumpulan dibuat berdasarkan kelayakan, prestasi, kemahiran dan pengalaman.

Perlakuan kasar atau tidak berperikemanusiaan, termasuk semua jenis gangguan (seksual / fizikal / lisan), penderaan seksual, hukuman dera, perhambaan, paksaan mental atau fizikal atau mencaci maki ke atas pekerja tidak akan dibiarkan, begitu juga dengan ancaman terhadap perlakuan sedemikian.

Pekerja hendaklah berusaha untuk mengekalkan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan produktif dengan mematuhi standard tingkah laku profesional tertinggi. Bagi setiap perkara dan pada setiap masa, mereka hendaklah menunjukkan tingkah laku yang jujur dan sopan, dan tidak boleh melakukan tindakan yang akan mendatangkan kerosakan kepada Kumpulan, pekerja, harta benda, reputasi atau kepentingan umum, dalam keadaan apa sekalipun.

### **3.2 Buruh Kanak-kanak**

Kami komited untuk tidak mengambil mereka yang berumur di bawah 18 tahun untuk bekerja dalam operasi perniagaan kami.

### **3.3 Buruh Paksa**

Kami komited untuk tidak menggunakan orang yang tidak menawarkan diri secara sukarela untuk bekerja atau berkhidmat. Kami melarang penggunaan semua bentuk buruh paksa (bekerja kerana diancam dengan hukuman), termasuk buruh penjara, buruh terikat, kuli kontrak (terpaksa membayar hutang), buruh tentera, perhambaan, perdagangan manusia, dan eksploitasi seksual ke atas individu.

### **3.4 Gaji Minimum, Waktu Kerja dan Faedah**

Kami mengganjar pekerja dengan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang gaji yang berkaitan, termasuk gaji minimum, kerja lebih masa dan faedah yang diberikan mandatnya secara sah. Waktu bekerja hendaklah dihadkan mengikut undang-undang tempatan.

### **3.5 Berurusan dengan Pengurusan, Kebebasan Berpersatuan dan Tawar-menawar Kolektif**

Kami percaya bahawa cara terbaik untuk melindungi hak pekerja adalah dengan membenarkan setiap pekerja berurusan secara langsung dengan pihak pengurusan mengenai isu-isu penting mereka. Kami juga menghormati hak pekerja untuk menyertai organisasi pihak ketiga atau sebaliknya, menyertai kesatuan pekerja atau sebaliknya, membuat bantahan, menawar secara kolektif atau sebaliknya, mengikut undang-undang tempatan.

### **3.6 Komunikasi dan Menguruskan Rungutan**

Kami mengutamakan wujudnya komunikasi terbuka dan jujur antara semua pekerja melalui mekanisme menangani rungutan yang disediakan oleh Kumpulan. Kami terlibat dalam komunikasi berterusan dengan pekerja dan pihak berkepentingan kami, dan menyelesaikan aduan dan rungutan yang diajukan oleh mereka melalui proses rundingan yang terbuka dan telus. Kami bertekad untuk memulihkan keadaan pihak yang terlibat jika isu yang dibangkitkan terbukti mempengaruhi dan memberi kesan kepada hak asasi manusia. Kami terus meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pekerja kami mengenai hak asasi

manusia, termasuk hak buruh, mendorong mereka untuk bersuara, tanpa dikenakan hukuman, mengenai masalah yang mereka hadapi, contohnya melalui saluran rungutan kami.

### **3.7 Keselamatan dan Kesihatan**

Kami komited untuk menyediakan tempat kerja yang sihat, selamat dan produktif untuk pekerja dan pihak berkepentingan kami dengan meminimumkan risiko kesihatan, keselamatan dan persekitaran dan mematuhi undang-undang dan peraturan keselamatan dan kesihatan yang berkaitan, serta keperluan dalaman. Kumpulan telah mengamalkan Polisi Keselamatan dan Kesihatan dan Polisi Persekitaran yang menentukan amalan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE) kami untuk mencapai objektif ini.

### **3.8 Hak Masyarakat**

Kami menghormati hak masyarakat sekitar di lokasi kami beroperasi. Kami berusaha untuk mengenal pasti sebarang kesan yang mungkin timbul daripada operasi kami dan mengambil langkah yang sesuai untuk mengurangkannya. Kami berusaha untuk membantu masyarakat, mengikut prinsip yang dinyatakan dalam Polisi Pelaburan Komuniti kami.

## **4. PELAPORAN BERKAITAN PELANGGARAN POLISI**

Mana-mana pekerja atau pihak berkepentingan yang mengetahui, atau mengesyaki wujudnya pelanggaran Polisi ini, mereka digalakkan untuk memberi maklumat atau melaporkannya melalui mekanisme dalaman seperti yang dinyatakan dalam Polisi Pemberi Maklumat "*Whistle Blowing*" kami. Jika perlu, kerahsiaan individu yang melaporkan perkara tersebut akan diberikan jaminan.

## **5. KEBOLEHGUNAAN**

Polisi ini terpakai untuk semua pekerja, pembekal, subkontraktor dan penyedia perkhidmatan Kumpulan.

## **6. PEMATUHAN DAN KAJIAN SEMULA POLISI**

Ketua Pegawai Operasi (COO) Kumpulan ditugaskan untuk mengawasi pelaksanaan Polisi ini dan akan melaporkan status pematuhannya kepada Lembaga dua kali setahun. Lembaga akan mengkaji kecukupan Polisi secara berkala dan memindanya jika perlu.

